

Masyarakat antarabangsa perlu bertanggungjawab secara moral - PM

Atasi krisis Asia Barat

Daripada ZAINI HASSAN

HELSINKI 11 SEPT. - Malaysia selaku pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (DIC) menggesa masyarakat antarabangsa supaya 'bertanggungjawab secara moral' menyelesaikan masalah Palestin, Afghanistan, Iraq dan yang paling utama Lebanon secara muktamad demi keamanan sejagat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi OIC, mengaskan di hadapan para pemimpin besar Asia dan Eropah yang bermesyuarat di sini bahawa mereka tidak mempunyai pilihan selain mencari penyelesaian kepada masalah itu.

"Kata harus sedar umat Islam seluruh dunia merasai penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin, Afghanistan, Iraq dan Lebanon. Mereka melihat penderitaan di negara-negara ini hasil daripada kekerasan yang dilakukan pihak luar.

"Ia mungkin satu tindakan yang sah atau alasan yang boleh diterima, namun kumpulan penganas telah mengambil peluang ini untuk melakukan tindakan ganas mereka," katanya.

Perdana Menteri bimbang serangan ke atas Lebanon telah menyemarakkan keganasan antarabangsa dan meluaskan aktiviti tersebut ke negara-negara yang sebelum ini tidak mempunyai kegiatan seumpama itu.

"Kita harus mengaku bahawa perjuangan rakyat Palestin adalah perjuangan yang sah bagi mempertahankan diri, walaupun ada antaranya yang berakhir dengan keganasan.

"Rayuan mereka tidak harus dilupakan. Hak mereka untuk mempunyai negara merdeka, hidup sebelah menyebelah dengan Israel, harus diberi. Sekiranya masalah Palestin tidak diselesaikan, maka tiada keamanan di Asia Barat," tegasnya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita ketika mengulas ucapannya dalam sesi tertutup Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-6 petang semalam mengenai isu ancamaif keselamatan dan pengukuhan semangat pelbagai pihak (multilateralisme), di sini hari ini.

Sambil menegaskan Malaysia merancang

Lihat muka 2

Atasi krisis Asia Barat

menghantar 1,000 orang tentera pengaman ke Lebanon, beliau melahirkan rasa sedih melihat rakyat negara itu menjadi pelarian di negara sendiri.

Masyarakat antarabangsa, katanya yang dilihat terlalu perlahan menyelesaikan kemusnahan angkara Israel itu, sekarang mempunyai tanggungjawab moral untuk melakukan pemulihan dan pembinaan semula negara malang itu.

"Perang telah berakhir, gencatan senjata telah dilaksanakan, rakyat Lebanon harus dibenarkan pulang ke rumah mereka dan membina semula hidup mereka dengan selamat. Israel harus membuka semua sekatan," jelas beliau.

Menyentuh mengenai soal keganasan, Abdullah mencadangkan ASEM membentuk satu sistem perkongsian perisikan bagi membolehkan pertukaran

maklumat antara pihak berkuasa negara dilakukan, terutamanya berhubung perjalanan pengganas dan sumber kewangan mereka.

"Kita harus mengkaji dan bersetuju dengan punca kepada keganasan itu. Kitajuga mungkin dapat mengenai pasti, memusnahkan, menangkap atau membunuh pengganas itu, namun anggota baru akan mengambil alih pemimpin atau kumpulan yang dimusnahkan itu. Kita harus mengelakkan pengambilan anggota baru dan melatih pengganas bam dengan mengetepikan akar umbinya" katanya.

Menurut beliau lagi, adalah sangat penting juga untuk menjelaskan kekelimanan yang diwujudkan oleh kumpulan ekstrem yang mendakwa mengambil tindakan ganas atas nama agama.

"Biar saya jelaskan di sini bahawa Islam sangat membenci keganasan.

"Penganas yang melakukan jenayah atas nama Islam mencemarkan kesucian agama itu dan mereka ini sebenarnya dilaknati oleh Allah," jelas beliau.

Sebagai sumbangan untuk menentang keganasan, katanya, Malaysia telah menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Antikeganasan yang menjadi pusat latihan bagi menghalang kegiatan tersebut.

Sementara itu, Abdullah berkata, semasa pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri China, Wen Jiabao semalam, beliau turut menyatakan betapa pentingnya pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) ditambah segera.

"Selaku salah sebuah anggota tetap

Majlis Keselamatan, saya menyatakan kepada pihak China bahawa penglibatan negara kita, Indonesia dan Brunei selaku anggota OIC perlu diberi peranan di Lebanon.

"Saya juga jelaskan kepada beliau pembangunan semula Lebanon harus dipercepatkan bagi mengelakkan penderitaan rakyat Lebanon," katanya.

Mengenai isu nuklear Iran, Abdullah memberitahu Jiabao, Iran berhak membangunkan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan dan bukan untuk ketenteraan.

"Rundingan dengan Iran perlu diutamakan dan bukan dengan cara menggunakan kekuatan tentera kerana akibatnya terhadap politik dan ekonomi bukan sahaja membabitkan Asia Barat, tetapi seluruh dunia." katanya.

- Utusan